

Najib dibenar pinda tarikh pulang passport

BH - 27/10/2021 m/s: 20

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam membenarkan permohonan Datuk Seri Najib Razak meminda tarikh pelepasan dan pemulangan pasportnya buat sementara bagi membolehkan beliau ke Singapura untuk melawat anak perempuannya, Nooryana Najwa yang bakal melahirkan anak kedua bulan depan.

Mahkamah Rayuan pada 18 Oktober lalu membenarkan Najib mendapatkan pasportnya pada 20 Oktober dan dipulangkan semula pada 22 November ini.

Semalam, tiga hakim Mahkamah Tinggi membenarkan Najib meminda tarikh itu kepada 25 Oktober hingga 6 Disember.

Najib memohon meminda tarikh itu kerana terpaksa menangguhkan perjalanan ke Singapura bagi membantu jentera pilihan raya UMNO pada Pilihan Raya Negeri Melaka yang dijadual 20 November depan disebabkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan berangkat ke Jerman untuk rawatan sakit belakang.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau diamanahkan dengan tanggungjawab memastikan parti bertindak teratur dan sewajarnya ketika ketiadaan Ahmad Zahid.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan, Datuk Collin Lawrence Sequerah dan Datuk Muhammad Jamil Hussin membenarkan permohonan Najib yang diwakili peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Bagi kes menggunakan kedudukan untuk meminda laporan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di hadapan Mohamed Zaini, Muhammad Shafee memberitahu hakim itu, pihaknya memberi jaminan bahawa tarikh yang terjejas berikutan pindaan berkenaan akan digantikan dengan tarikh baharu.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul tidak membantah permohonan pindaan itu.

Di hadapan Sequerah pula bagi tuduhan rasuah dana 1MDB, hakim membenarkan permohonan berkenaan dengan tarikh perbicaraan pada 9 hingga 11

November ini diteruskan seperti biasa sebelum Najib ke Singapura 21 November dan tidak dibantah Timbalan Pendakwa Raya, Mustafa P Kunyalam.

Sementara itu, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin juga membenarkan permohonan sama yang turut tidak dibantah Timbalan Pendakwa Raya, Shafiq Hasim.

Di hadapan hakim itu, Najib didakwa bersama-sama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah terhadap enam tuduhan pecah amanah ke atas harta kerajaan Malaysia RM6.6 bilion berkaitan bayaran kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Kes ditetapkan untuk sebutan pada 9 Disember ini.

Mahkamah Tinggi pada 15 Oktober pula membenarkan permohonan sama oleh Datin Seri Rosmah Mansor untuk pasportnya dilepaskan sementara bagi tujuan sama bermula 22 Oktober dan dipulangkan pada 21 November ini.